

**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN  
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

1. Penyertaan adalah terbuka kepada KIK daripada semua Jabatan Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat-Pejabat Daerah.
2. Kumpulan yang mengambil bahagian adalah kumpulan yang telah membentangkan projek mereka kepada pihak pengurusan jabatan masing-masing pada tahun sebelumnya atau tahun semasa.
3. Projek KIK yang dicalonkan **hendaklah belum pernah dibentangkan** oleh kumpulan di mana-mana konvensyen Peringkat Negeri / Kebangsaan (Perkhidmatan Awam) pada tahun-tahun sebelumnya atau pada tahun semasa.
4. Projek kumpulan mestilah telah **selesai dilaksanakan/dijalankan** sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan.
5. Setiap jabatan dibenarkan untuk mencalonkan **empat (4) KIK Primer (satu pencalonan bagi setiap bidang dan kategori yang dipertandingkan)** dan **satu (1) KIK Hibrid**. Penetapan bidang dan kategori inovasi adalah berdasarkan projek yang dihasilkan.
6. Bagi KIK Primer, kumpulan yang mewakili jabatan hendaklah mempunyai **alamat pejabat di jabatan berkenaan**. Sebagai contoh sekiranya alamat pejabat adalah di Daerah Seremban, KIK berkenaan hendaklah mewakili pejabat di Daerah Seremban sahaja dan bukannya daerah lain.
7. Borang penyertaan berserta dengan **4 salinan dokumentasi projek** dan **4 cakera padat** perlu dikemukakan oleh jabatan ke urus setia Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sembilan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan sebelum atau pada **23 Ogos 2019 (Jumaat)**. **Dokumentasi projek mestilah merangkumi perkara seperti berikut:**
  - a) Borang Penyertaan
  - b) Ringkasan Eksekutif
  - c) Laporan projek mengikut kriteria penilaian projek (Laporan tidak melebihi 15 muka surat tidak termasuk lampiran dan lampiran tidak melebihi 30 muka surat)
  - d) Setiap dokumentasi menggunakan tulisan Arial (saiz 12)
8. Bagi **KIK Primer**, bilangan ahli hendaklah terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) ahli** tetapi **tidak melebihi sepuluh (10) ahli** daripada **agensi sama termasuk ketua kumpulan**.
9. Bagi **KIK Hibrid**, bilangan ahli hendaklah terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi** yang **bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. **Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek**. Pelantikan fasilitator tertakluk pada keperluan kumpulan.
10. Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Keputusan pemilihan kumpulan untuk menyertai konvensyen oleh pihak penganjur adalah **muktamad**.
11. Keputusan Jemaah Panel Penilai Konvensyen KIK terhadap pembentangan projek adalah **muktamad**.

12. Hadiah kepada para pemenang Konvensyen KIK Peringkat Negeri Sembilan akan disampaikan semasa Majlis Minggu Inovasi yang akan diadakan pada **28 September 2019**. Butiran Majlis Perasmian Minggu Inovasi Tahun 2019 akan dimaklumkan kemudian.

**Senarai hadiah adalah seperti berikut:**

**a) KIK Primer – Inovasi Sosial**

Tempat Pertama – RM 5,000.00  
Tempat Kedua – RM 3,000.00  
Tempat Ketiga – RM 2,000.00

**b) KIK Primer – Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**

Tempat Pertama – RM 5,000.00  
Tempat Kedua – RM 3,000.00  
Tempat Ketiga – RM 2,000.00

**c) KIK Hibrid**

Tempat Pertama – RM 5,000.00

**d) Pembentangan Terbaik – RM1,000.00**

Beserta trofi dan sijil

- \* **Tempat pertama akan membawa pulang piala pusingan**

**BORANG PENYERTAAN KONVENSYEN  
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

<b>LATAR BELAKANG KUMPULAN</b>		
Nama kumpulan	:	
Nama jabatan	:	
Alamat	:	
Nombor telefon & faks	:	
E-mel	:	
Tarikh kumpulan ditubuhkan	:	
Bilangan dan nama ahli	:	
Nama projek	:	
Bidang inovasi	:	
Kategori inovasi	:	
Tarikh mula projek	:	
Tarikh siap projek	:	
<b>PENGESAHAN KETUA JABATAN</b>		
Pengesahan Ketua Jabatan Agensi		
i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada .....		
ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada .....		
Tandatangan Ketua Jabatan/Agensi		Cop Jabatan Agensi
.....		.....
Tarikh :.....		
<b>RINGKASAN PROJEK (300-500 patah perkataan/1 hingga 2 muka surat)</b>		
<b>Ringkasan projek adalah meliputi :</b>		
i) Signifikasi pemilihan projek ii) Tindakan penyelesaian iii) Keberhasilan projek (otcome/impak projek) iv) Potensi pengembangan projek		

**KRITERIA PENETAPAN BAGI BIDANG DAN KATEGORI INOVASI**

**1. BIDANG INOVASI**

**A) INOVASI SOSIAL**

**Definisi**

Bidang Inovasi Sosial adalah bidang yang menggunakan kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat. Inovasi bidang ini menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu-individu dalam masyarakat.

**Contoh**

Contoh projek dalam bidang ini ialah penggabungan borang permohonan, komposit lesen, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja yang baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada yang baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti atau hasil kerja, meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan atau meningkatkan kutipan hasil Kerajaan, penciptaan peralatan baru, pengubahsuaian reka bentuk peralatan lama kepada yang baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pewujudan kaedah teknikal baru.

**B) INOVASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

**Definisi**

Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan adalah bidang yang menggunakan kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) dan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan ialah memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan, meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan kos dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia, memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan dan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini.

**Contoh**

Contoh projek dalam bidang ini ialah penggabungan borang permohonan, komposit lesen, pengenalan borang baru, pelaksanaan prosedur kerja baru, pengenalan sistem kerja yang baru atau pengubahsuaian sistem lama kepada yang baru yang boleh menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti atau hasil kerja, meningkatkan tahap kepuasan hati pelanggan atau meningkatkan kutipan hasil kerajaan, penciptaan peralatan baru, pengubahsuaian reka bentuk peralatan lama kepada yang baru, pembangunan sistem komputer atau perisian komputer, perubahan dalam penggunaan bahan atau komponen kimia dan pewujudan kaedah teknikal baru.

**2. KATEGORI INOVASI**

**A) INOVASI PENCIPTAAN**

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang baharu dan belum pernah dilaksanakan di Malaysia.

**B) INOVASI PENAMBAHBAIKAN**

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau proses sedia ada melalui kaedah yang inovatif agar menjadi lebih berkualiti serta berdaya saing.



**FORMAT PEMARKAHAN PENILAIAN PROJEK  
KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

<b>TAJUK PROJEK</b> :				
<b>NAMA KUMPULAN</b> :				
<b>AGENSI/JABATAN</b> :				
<b>Arahan</b> : <i>Sila tanda (/) pada ruang yang berkaitan</i>				
<b>JENIS KUMPULAN</b>	<b>PRIMER</b>		<b>HYBRID</b>	
<b>BIDANG INOVASI</b>	<b>PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN</b>		<b>SOSIAL</b>	
<b>KATEGORI INOVASI</b>	<b>PENCIPTAAN</b>		<b>PENAMBAHBAIKAN</b>	
<b>NAMA PANEL</b> :				

Skala Likert				
1	2	3	4	5
Amat Lemah	Lemah	Sederhana	Baik	Amat baik

BIL	KRITERIA PEMILIHAN	SUB KRITERIA	WAJARAN	SKALA DIPILIH OLEH PANEL	MARKAH WAJARAN	CATATAN
1	Penglibatan Pihak Pengurusan (4)	a Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat	4			
2	Signifikan Projek & Pembuktian (10)	a Kaitan dengan fungsi utama jabatan / organisasi	1			
		b Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh ( <i>stakeholder</i> )	2			
		c Seajar dengan agenda dan matlamat nasional	2			
		d Kaitan dengan keadaan dan ekosistem semasa	2			

		e	Kaedah pemilihan projek dan analisis	2			
		f	Penyataan sasaran <i>outcome</i> dan impak	1			
3	Tindakan Penyelesaian (23)	a	Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	8			
		b	Penghasilan dan pengujian prototaip	8			
		c	Perakuan daripada pihak bertauliah / pihak berkuasa	3			
		d	Pelaksanaan Inovasi	4			
<b>KEBERHASILAN PROJEK</b>							
4	4.1 <i>Outcome</i> projek dan pembuktian (35)	a	Pencapaian outcome dan pembuktian	25			
		b	Faedah sampingan (luar jangka)	10			
	4.2 Impak projek dan pembuktian (18)	a	Penilaian impak dan pembuktian	14			
		b	Faedah sampingan (luar jangka)	4			
5	Potensi pengembangan inovasi (10)	a	Tahap ketersediaan teknologi / sistem / proses	4			
		b	Tahap replikasi / pengkomersialan	6			
<b>JUMLAH</b>				<b>100</b>			

**PERJALANAN SESI PEMBENTANGAN DAN PENILAIAN  
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERKHIDMATAN AWAM  
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN 2019**

1. Ketetapan masa pembentangan projek dibahagikan seperti berikut:
  - a) Semua kumpulan dikehendaki bersiap sedia 5 minit lebih awal daripada masa yang telah ditetapkan dalam jadual KIK.
  - b) Masa **5 minit** akan diberikan untuk memasang peralatan oleh kumpulan, termasuk montaj (sekiranya ada).
  - c) Setiap kumpulan akan diberikan **10 minit** untuk membuat persembahan.
    - i. Loceng pertama – bermula selepas perkataan pertama disebut oleh kumpulan. Sekiranya tiada permulaan oleh kumpulan, loceng / *buzzer* permulaan akan dibunyikan setelah tamat 5 minit masa persediaan.
    - ii. Loceng kedua – Minit ke-8
    - iii. Loceng ketiga - loceng / *buzzer* penamat akan dibunyikan setelah tamat 10 minit pembentangan.
2. Sesi penilaian projek akan dimulakan selepas tamat masa pembentangan. Sesi penilaian akan berlangsung selama **15 minit atau lebih bergantung pada panel penilai**.
3. Sila bawa semua dokumen berkaitan projek kumpulan sebagai pembuktian sebagai persediaan sekiranya diminta atau ditanya oleh panel.
4. Setiap kumpulan perlu mematuhi jadual giliran sesi penilaian yang ditetapkan.
5. Pihak urus setia berhak untuk menukar waktu bagi kumpulan yang hadir lewat dengan kumpulan yang hadir awal bagi melancarkan perjalanan sesi penilaian.
6. Masa yang ditetapkan dalam jadual hanyalah masa yang dianggar untuk ahli kumpulan hadir ke tempat penilaian dan ia bukan menentukan masa tepat bermulanya sesi penilaian.
7. Sebarang perubahan aturan sesi penilaian hendaklah dibincang bersama kumpulan sebelumnya dan atas budi bicara kumpulan sebelumnya.
8. Markah akan dikira oleh panel penilai selepas kumpulan terakhir selesai sesi pembentangan dan penilaian.